

KARNIVAL SYIOKNYA FUTSAL 2015 DISAMBUT MERIAH

Oleh Muhd Fakrul Razi

Kota Kinabalu, 15 Mei - Karnival Syioknya Futsal 2015 kali ke-empat anjuran Pusat Sukan UMS yang diadakan di Futsal Arena UMS mendapat sambutan yang baik dari kalangan mahasiswa UMS .

Karnival ini yang berlangsung dari 21 hingga 22 Mac tidak mengenakan sebarang yuran penyertaan kepada pelajar dan menyasarkan sebanyak mungkin penyertaan daripada pelajar.

Menurut Pegawai Pusat Sukan UMS, En Azman Soaiba menyatakan objektif kejohanan ini diadakan bertujuan untuk riadah kepada pelajar kerana ia diadakan pada hujung minggu serta memupuk dan mengetengahkan bakat bermain futsal di kalangan pelajar UMS.

"Dengan adanya Karnival Syioknya Futsal ini, kita dapat memilih pemain yang akan mewakili UMS di Sukan Negeri Sabah dan SUKIPT serta pertandingan futsal IPT," katanya.

"Saya juga harap agar penyertaan ini akan menarik lebih ramai lagi pelajar baik lelaki mahupun perempuan untuk menyertainya pada masa akan datang," tambahnya lagi.

Karnival ini menyaksikan pasukan Gerakan Garuda telah muncul juara dalam pertandingan edisi kali ini.

Ketua pasukan, Andik Habibi kata bahawa mereka berasa amat gembira kerana menjuarai pertandingan ini dan perasaan seolah-olah sukar untuk digambarkan.

"Sikap kerjasama yang paling penting kerana tanpa kerjasama kita tidak dapat berdiri sebagai satu pasukan," katanya. Sikap kesabaran juga perlu kerana corak permainan yang laju dan kasar.

"Jadi, adalah penting untuk bersikap sabar dan memapamerkan satu permainan yang baik," katanya lagi.



Gambar pemenang Futsal 2015 bersama Pegawai Belia dan Sukan Kanan Pusat Sukan UMS (tengah).